

Tiada keperluan pengawal 24 jam di bank

UTUSAN 22/6

KUALA LUMPUR 21 Jun - Kerajaan tidak mewajibkan setiap bank di negara ini menyediakan pengawal keselamatan dalam tempoh 24 jam bagi menangani kes rompakan mesin juruwang automatik (ATM) dan samun pengguna mesin tersebut.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Chua Tee Yong berkata, pada masa sekarang, langkah-langkah keselamatan adalah bergantung kepada pihak bank.

Malah, katanya, pihak bank juga sentiasa meningkatkan keselamatan kerana mereka juga tidak mahu imej buruk yang menjejaskan perkhidmatan perniagaan yang diberikan.

"Tetapi terdapat trend mesin ATM dan mesin deposit tunai (CDM) diletakkan di stesen-stesen minyak yang mempunyai orang ramai. Ini secara tidak langsung menjamin keselamatan pengguna," katanya bagi menjawab soalan tambahan **Senator Khairiah Mohamed** yang bertanyakan keperluan pengawal 24 jam di mesin-mesin ATM dan CDM bagi memas-

tikan tidak berlaku kejadian rompakan dan samun.

Menjawab soalan **Senator Datuk Zali Mat Yasin** sama ada setiap bank mempunyai piawai-

an berbeza atau sebaliknya sehingga beliau sendiri perlu beratur panjang di hadapan CDM kerana wang tidak diterima, Tee Yong menjawab, setiap bank perlu memenuhi piawaian antarabangsa.

"CDM di setiap bank perlu penuh piawaian antarabangsa dan kedua-dua mesin

itu tidak direka oleh bank sendiri," ujarnya.

Tambah Tee Yong, Bank Negara Malaysia, institusi-institusi kewangan, persatuan-persatuan bank dan polis berusaha meningkatkan sistem kawalan dan keselamatan ATM bagi memastikan keselamatan serta keselesaan pelanggan sentiasa terjamin.

Jelasnya, ini termasuk pertukaran maklumat lokasi-lokasi ATM berisiko tinggi, data dan statistik terbaharu, teknik pencegahan jenayah serta tindakan-tindakan yang telah diambil oleh pihak berkuasa.



CHUA TEE YONG